

28/02/1997

Guru bersara perlu berusaha majukan diri

GURU bersara tidak harus berasa rendah diri dan menganggap tempoh persaraan itu sebagai penamat bagi mereka berusaha memajukan diri.

Sebaliknya, Timbalan Yang Dipertua Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Cawangan Kelantan (PBPPPK), Mahmood Yaacob berkata mereka masih mempunyai kesempatan merebut peluang yang terbuka luas dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi dan perkhidmatan pendidikan.

Menurutnya, usia persaraan wajib 55 tahun sebagai kakitangan kerajaan bukan petanda prestasi serta kebolehan mereka sudah menurun.

"Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mempertahankan hakikat mereka masih lagi boleh menunjukkan mutu kerja yang baik," katanya pada majlis perjumpaan dan jamuan Aidilfitri Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan seluruh negeri Kelantan, di Sekolah Menengah Padang Pak Amat, Pasir Puteh, baru-baru ini.

Seramai 300 guru bersara dari seluruh negeri menghadiri majlis itu yang diadakan setiap tahun sempena Aidilfitri bagi meraikan persaraan mereka.

Pada majlis itu juga guru bersara terbabit diberi penerangan melalui ceramah khas `Penjagaan Kesihatan Diri dan Amalan Untuk Kesihatan Badan oleh kakitangan Hospital Daerah Pasir Puteh.

(END)